

FAQ BAGI ANUGERAH USAHAWAN MADANI INSKEN (AUMI) 2025

NO.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah yang dimaksudkan dengan Anugerah Usahawan MADANI INSKEN 2025 (AUMI25)?	AUMI25 adalah merupakan sebuah anugerah yang bertujuan bagi memberi pengiktirafan kepada usahawan yang pernah menghadiri program-program INSKEN yang meliputi latihan dan bimbingan yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam perniagaan.
2.	Siapa yang menganjurkan AUMI25?	AUMI25 dianjurkan oleh Institut Keusahawanan Negara Berhad (INSKEN) yang merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dengan mandat bagi memacu pertumbuhan usahawan melalui pelbagai program pembangunan kapasiti keusahawanan.
3.	Bilakah AUMI25 mula dianjurkan?	Majlis bagi AUMI25 akan disasarkan untuk dilaksanakan dalam bulan Disember 2025.
4.	Apa tujuan utama penganjuran AUMI25?	Tujuan utama AUMI25 dianjurkan adalah seperti berikut:



NO.	SOALAN	JAWAPAN
		■ Menyediakan platform bagi meraikan usahawan yang pernah menghadiri sebarang program latihan dan bimbingan kendalian INSKEN yang telah berjaya dan berada di tahap yang lebih tinggi. ■ Mengetengahkan INSKEN sebagai sebuah badan pembangunan keusahawanan unggul bagi memperkasakan usahawan negara selaras dengan aspirasi Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030. ■ Mengiktiraf alumni INSKEN yang layak sebagai seorang usahawan berjaya dan mampu untuk memberi impak yang positif kepada pembangunan negara.
5.	Apakah faedah yang diperolehi oleh syarikat yang memenangi AUMI25?	Pemenang AUMI25 akan menerima tropi dan sijil pengiktirafan oleh INSKEN.



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES



NO.	SOALAN	JAWAPAN
6.	Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai AUMI25?	Untuk maklumat lanjut mengenai AUMI25, sila rujuk media sosial INSKEN, laman sesawang INSKEN atau emel sebarang pertanyaan kepada aumi@insken.gov.my .
7.	Adakah sebarang pertanyaan akan dikenakan jika saya berminat untuk memohon anugerah dalam AUMI25?	Penyertaan bagi AUMI25 adalah PERCUMA.
8.	Apakan tindakan dan persediaan yang perlu dilakukan untuk menyertai AUMI25?	Anda perlu membuat pendaftaran untuk menyertai AUMI25 melalui <i>Google Form</i> yang boleh diperolehi di media sosial dan laman sesawang INSKEN. Borang penyertaan perlu diisi secara <i>online</i> dan lampirkan maklumat yang diperlukan secara ' <i>upload</i> ' dalam sistem <i>Google Form</i> .
9.	Jika ada sebarang kemusykilan dan pertanyaan tentang maklumat yang perlu diisi dalam borang penyertaan, siapakah yang saya patut hubungi?	Anda boleh menghubungi ' <i>Help Desk</i> ' konsultan rasmi yang telah dilantik INSKEN di talian: 03 – 9171 7173 atau 019 – 2420 629 atau emel kepada: dayafasih@gmail.com atau INSKEN di aumi@insken.gov.my .



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES



NO.	SOALAN	JAWAPAN
10.	Siapakah yang boleh menyertai anugerah yang telah ditetapkan dalam AUMI25?	Hanya alumni INSKEN sahaja yang boleh menyertai sebarang anugerah yang telah disenaraikan. Sila sertakan bukti penyertaan melalui sijil yang telah diberikan.
11.	Bilakah tarikh tutup bagi penyertaan AUMI25?	31 Oktober 2025 (11.59pm)
12.	Berapakah bilangan kategori anugerah yang boleh dimohon?	Penyertaan kepada bilangan kategori adalah terbuka dan tanpa sebarang had permohonan. Namun, setiap kategori wajib disertakan dengan permohonan tersendiri. (1 permohonan bagi 1 kategori)
13.	Berapakah bilangan yang perlu dikemukakan bagi setiap permohonan?	Sila kemukakan 1 permohonan bagi setiap kategori. Jika terdapat lebih daripada 1 permohonan bagi sesebuah kategori, pihak urusetia akan mengambil permohonan terkini sebagai permohonan rasmi oleh usahawan.